

The book cover features a vibrant, multi-colored background with a starry space theme. In the upper right, a satellite with a glowing blue lens is shown. On the left, a small globe of the Earth is visible. In the center, a laptop computer is depicted, with the word 'ISLAM' written in large, red, 3D-style letters on its screen. The overall design is modern and digital.

MULTIMEDIA

dan

ISLAM

Penyunting

Abu Bakar Abdul Majeed

Siti Fatimah Abdul Rahman

Kandungan

Perutusan	(i)
Kata-kata Aluan	(iii)
Senarai Penulis	(v)
Pengenalan	(ix)
Bab 1	1
Tren Sosio-Budaya Dalam Pembangunan Multimedia <i>Othman Yeop Abdullah</i> <i>Norsaidatul Akmar Mazelan</i>	
Bab 2	15
Imperatif Multimedia Dalam Pembangunan Ummah <i>Zulkiple Abdul Ghani</i>	
Bab 3	33
Multimedia Dari Perspektif Al-Quran <i>Mashkuri Yaacob</i> <i>Salimah Mokhtar</i> <i>Abdullah Gani</i>	
Bab 4	41
Membimbing Ummah Melalui Multimedia <i>Abdul Rahman Mohd. Said</i>	
Bab 5	51
Imperatif Etika Dalam Perdagangan Elektronik <i>Mohd. Rafee Yusoff</i>	

Bab 6	61
Kearah Mewujudkan Generasi Celik Multimedia <i>Shanti Balraj Ambigapathy</i>	
Bab 7	73
Penguhan Minda Dalam Menghadapi Cabaran Multimedia <i>Mohd. Safar Hasim</i>	
Bab 8	81
Isu Keselamatan dan Kerahsiaan <i>Norbik Bashah Idris</i>	
Bab 9	87
Teknoetika <i>Abu Bakar Abdul Majeed</i>	
Bab 10	99
Sekolah Bestari – Perspektif Islam <i>Marini Othman</i>	
Bab 11	109
Teleperubatan – Penguhan Konsep Perubatan Islam <i>M. Arif M. Hashim</i>	
Bab 12	121
Berdakwah Dalam Era Multimedia <i>Mohd. Shahir Abdullah</i>	
Bab 13	129
Multimedia Sebagai Pemangkin Kesatuan Ummah <i>Ahmad Jamali Sepihie</i>	

Bab 14	145
Peluang Ummah Dalam Pembangunan Multimedia <i>Mohd. Jamil Sulaiman</i>	
Bab 15	157
Ekonomi Digital – Ekonomi Baru <i>Ferhard Ahmad</i>	
Bab 16	165
Penyelesaian Masalah Y2K Dalam Sektor Awam <i>Che Wan Abdullah</i>	
Chapter 17	175
Manpower and Training Issues In Relation To The Development of The Multimedia Super Corridor <i>Norsaidatul Akmar Mazelan</i> <i>Mohd. Fauzan Noordin</i>	
Chapter 18	193
Issues on Cyberlaws <i>P.S. Sangal</i>	
Chapter 19	209
Electronic Government in Malaysia <i>Anuar Maarof</i>	
Indeks	236

Pengenalan

Teknologi maklumat merupakan landasan kepada arus pembangunan abad ke-21. Salah satu komponen terpenting teknologi maklumat ialah multimedia. Malaysia yang sedang bergerak ke arah negara maju telah mengorak langkah dengan menyediakan Koridor Raya Multimedia atau *Multimedia Super Corridor* (MSC). Antara lain, MSC berperanan mencetus pertumbuhan pesat industri multimedia di Malaysia. Hal ini serta perkembangan bidang multimedia sejagat memberi umat Islam satu peluang atau wadah baru untuk menyampaikan maklumat dan dakwah kerana Islam amat menitikberatkan tentang penyebaran mesej atau maklumat.

Umat Islam telahpun menunjukkan model terbaik di dalam usaha menyebarkan maklumat jauh lebih awal dari penganut-penganut agama lain dengan memulakan industri kertas pada tahun 793M di Baghdad, berbanding orang Kristian yang pertama sekali menggunakan percetakan kertas dalam tahun 1276M. Malah sejak 1040M, kerajaan Islam telahpun menggunakan kertas dalam urusan-urusan rasmi kerajaan. Malangnya, apabila timbul isu bidaah tentang penggunaan teknologi dalam abad ke 17M, umat Islam mengambil sikap yang agak simplistik dan berpuas hati dengan apa yang ada. Akibatnya, industri percetakan dikuasai masyarakat Barat, hatta, al-Quran pun dicetak oleh mereka.

Semua ini memerlukan kita untuk melihat secara meluas serta mengupas dengan mendalam implikasi teknologi moden seperti multimedia terhadap pembangunan idealisme Islam pada hari ini. Kita perlu kemudiannya mengatur langkah dan menyusun strategi bagi mendakap kemas arus perdana ini. Kita tidak lagi boleh membuat kesilapan seperti mana yang dilakukan oleh umat Islam abad ke 17M.

Justeru buku "Multimedia dan Islam" diharap akan menjadi mercu tanda penting selain batu asas ke arah mencapai objektif berikut:

- Meneliti peranan dan pembangunan multimedia dalam teknologi maklumat masa kini

- ❑ Mencari kaedah menggunakan multimedia sebagai wadah penyebaran maklumat Islam
- ❑ Meninjau kemampuan multimedia dalam memangkin pembangunan ummah
- ❑ Mengkaji ciri dan tahap nilai keIslaman dalam pembangunan multimedia
- ❑ Memantau pengwujudan peluang-peluang terkini dalam industri multimedia

Berbagai isu timbul berkaitan dengan multimedia dan bagi mereka yang ingin tahu, berbagai persoalan timbul dalam kepala. Untuk menjawab sebahagian dari persoalan-persoalan inilah maka seminar " Multimedia dan Islam" ini dianjurkan, seterusnya buku ini dihasilkan. Semoga buku ini dapat membantu masyarakat kita untuk memahami fenomena multimedia ini serta kesannya dalam hidup kita dan meninjau kaedah untuk memanfaatkannya demi kepentingan ummah.

Bab 1 dengan tajuk *Tren Sosio-Budaya Dalam Pembangunan Multimedia* yang ditulis oleh Othman Yeop Abdullah dan Norsaidatul Akmar Mazelan meninjau tentang kesan pembangunan multimedia kepada sosio-budaya masyarakat setempat baik dari segi pendidikan, gaya hidup, agama, kemasyarakatan, kebudayaan, sumber manusia dan ekonomi. Ternyata berbagai perubahan akan berlaku dan memerlukan kesediaan masyarakat untuk berubah bersamanya.

Oleh kerana multimedia amat penting dalam pembangunan ummah, Zulkiple Abdul Ghani, dalam Bab 2 yang bertajuk *Imperatif Multimedia Dalam Pembangunan Ummah*, telah menyarankan beberapa langkah yang perlu diambil supaya multimedia ini benar-benar dapat dimanfaatkan oleh ummah. Antara saranan yang beliau berikan ialah supaya melihat kajian media dari perspektif Islam, meningkatkan kadar literasi komputer di

kalangan ummah dan sokongan institusi kewangan Islam dalam menyediakan dana agar syarikat-syarikat yang berkaitan dapat menampung kos pengendalian pembangunan keseluruhan sistem multimedia ini.

Bab 3 pula membawa tajuk *Multimedia Dari Perspektif Al-Quran* telah ditulis oleh tiga orang penulis iaitu Mashkuri Yaacob, Salimah Mokhtar dan Abdullah Gani. Ketiga-tiga penulis ini melihat multimedia dalam konteks anjuran menuntut ilmu yang ditekankan oleh Islam. Jadi, oleh kerana multimedia ini berfungsi sebagai sumber ilmu dan alat penyebaran ilmu, maka pembangunannya amat digalakkan oleh Islam. Umat Islam perlulah menggunakannya seoptima mungkin.

Bab 4 yang bertajuk *Membimbing Ummah Melalui Multimedia* ditulis oleh Abdul Rahman Mohd. Said. Beliau telah mengengahkan pengalaman masyarakat Islam Singapura melahirkan satu komuniti internet.

Bab 5 bertajuk *Imperatif Etika Dalam Pembangunan Ummah* ditulis oleh Mohd. Rafee Yusoff. Penulis menyentuh tentang fenomena *electronic-commerce* dan *electronic-business* dan bagaimana kedua-dua bentuk perdagangan elektronik ini akan menjadi sebahagian utama dalam kehidupan kita tidak berapa lama lagi. Beliau juga menyentuh tentang keperluan-keperluan kita sekiranya kita tidak mahu ketinggalan dalam aspek ini.

Dalam Bab 6 yang bertajuk *Ke Arah Mewujudkan Generasi Celik Multimedia*, penulisnya, Shanti Balraj Ambigapathy menyarankan beberapa langkah ke arah ini, seperti menubuhkan lebih banyak pusat literasi media, membangunkan program-program literasi media dan membentuk panduan aktiviti-aktiviti media dan sumber-sumber pembelajaran yang boleh digunakan oleh setiap lapisan masyarakat.

Apabila kita bercakap tentang literasi komputer, ia bukan sahaja menyentuh tentang kebolehan menggunakan komputer untuk mendapatkan maklumat, tetapi juga kebolehan kita untuk menyumbangkan kepada maklumat yang sedia ada. Ini adalah sebahagian daripada intipati Bab 7

yang bertajuk *Pengukuhan Minda Dalam Menghadapi Cabaran Multimedia*. Menurut penulisnya, Mohd. Safar Hasim, multimedia hadir dengan segala macam kebaikan dan di masa yang sama, ia juga membawa berbagai cabaran yang tidak dapat dielakkan. Namun, cabaran-cabaran ini tidak dapat disekat melalui tapisan ataupun undang-undang. Oleh itu, kita memerlukan kekuatan dalaman untuk menghadapi cabaran-cabaran ini seperti disiplin diri untuk menjauhi bahan-bahan yang tidak berfaedah di samping membetulkan maklumat yang salah mengenai sesuatu perkara. Itulah sebabnya kebolehan menyumbang kepada maklumat yang sedia ada amat penting dalam era multimedia ini.

Bab 8 membawa tajuk *Isu Keselamatan dan Kerahsiaan*. Bab ini ditulis oleh Norbik Bashah Idris. Menurut beliau, kedua-dua isu ini penting kerana dalam era teknologi maklumat ini, maklumat menjadi aset negara yang amat penting untuk dijaga keselamatan dan kerahsiaannya. Isu keselamatan dan kerahsiaan ini merangkumi keseluruhan sistem komputer itu sendiri di segi perkakasan, perisian, hasilan, jaringan serta sumber tenaga manusia yang berkaitan dengannya.

Bab 9 ditulis oleh Abu Bakar Abdul Majeed bertajuk *Teknoetika*. Menurut penulis, teknoetika merujuk kepada etika yang berkaitan dengan penyediaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Tiga golongan yang dikenalpasti perlu menghayati etika ini ialah golongan pembangun, golongan pembekal maklumat dan penyedia perisian, dan golongan pengguna maklumat.

Dua bab seterusnya membicarakan pendapat dan pandangan tentang beberapa bidang yang menjadi aplikasi perdana MSC iaitu sekolah bestari dan teleperubatan. Marini Othman menulis Bab 10: *Sekolah Bestari - Perspektif Islam*. Pendapat penulis berkisar di sekitar kepentingan menyediakan ilmu dengan menggunakan wadah terkini dan termoden kepada umat Islam. M. Arif M. Hashim pula menghuraikan tajuk *Teleperubatan - Pengukuhan Konsep Perubatan Islam* di dalam Bab 11. Menurutnya, kaedah teleperubatan amat selaras dengan konsep Perubatan Islam, seperti prinsip kesihatan untuk semua tanpa mengira kedudukan.

Selain itu, teleperubatan juga mampu menyerlahkan konsep-konsep lain perubatan Islam seperti penumpuan kepada kesihatan, keinsanan, pemerolehan maklumat dan pemberian kesihatan berterusan.

Bab 12: *Berdakwah Dalam Era Multimedia* ialah hasil tulisan Mohd. Shahir Abdullah. Bab ini memberi penerangan tentang perspektif baru dalam kaedah berdakwah. Saranan juga dibuat agar semua pihak yang terlibat dalam usaha dakwah menggembleng tenaga dan kepakaran dengan berlandaskan kepada teknologi maklumat dan multimedia. Ahmad Jamali Sepihie yang membincang tajuk *Multimedia Sebagai Pemangkin Kesatuan Ummah* dalam Bab 13, menerangkan tentang konsep ummah menurut al-Quran dan memperbetulkan salah tanggapan tentang definisi dan tanggapan istilah ini. Penulis juga menggariskan sebab-musabab mengapa multimedia sangat sesuai dijadikan pencetus kepada usaha menyatupadukan umat Islam.

Bab 14: *Peluang Ummah Dalam Pembangunan Multimedia* yang ditulis oleh Mohd. Jamil Sulaiman menonjolkan dan mengenalpasti ruang yang boleh dieksploit oleh umat Islam di dalam menerajui industri multimedia di negara ini. Sebagai tonggak kepada kemajuan teknologi maklumat, penyelidikan dan pembangunan mestilah diceburi semua pihak yang inginkan kejayaan sebagai pemain-pemain utama di dalam industri multimedia.

Ferhard Ahmad, penulis Bab 15: *Ekonomi Digital - Ekonomi Baru* pula menghuraikan tentang ciri-ciri ekonomi baru di dunia pada hari ini. Umat Islam disaran agar merebut peluang yang disediakan oleh teknologi maklumat dan multimedia untuk meningkatkan daya saing perniagaan mereka di era ekonomi digital.

Che Wan Abdullah mengingatkan kita semua kepada ancaman pepijat alaf yang mungkin melanda industri multimedia menjelang tahun 2000 nanti. Bab 16 ialah tulisannya bertajuk *Penyelesaian Masalah Y2K Dalam Sektor Awam*. Bab ini diharap akan dapat dijadikan panduan untuk mereka yang terlibat di dalam mana-mana aspek penggunaan multimedia bagi menangani masalah pepijat alaf tersebut.

Bab 17: *Manpower and Training Issues in Relation to the Development of the Multimedia Super Corridor* adalah sumbangan gandingan dua penulis, Norsaidatul Akmar Mazelan dan Mohd. Fauzan Noordin. Pembaca akan dimaklumkan tentang keperluan dan penyediaan sumber daya manusia serta tenaga pakar bagi industri multimedia di Malaysia untuk sekarang dan di masa akan datang.

P. S. Sangal dalam Bab 18 menyentuh tentang beberapa isu berkait dengan Undang-undang Siber dan ini jelas dari tajuknya *Issues on Cyberlaws*. Menurut beliau, penubuhan MSC bukan hanya melibatkan pembinaan bangunan dan syarikat sahaja tetapi juga undang-undang yang berkaitan dengannya – Undang-undang Siber. Untuk itu, Malaysia sudahpun bersedia dengan beberapa undang-undang yang berkaitan seperti Akta Hakcipta (Pindaan) 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Teleperubatan 1997, Akta Tandatanganan Digital 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998.

Bab 19: *Elektronik Government in Malaysia* adalah sumbangan Anuar Maarof, menggariskan prinsip serta implementasi inisiatif kerajaan elektronik di dalam perkhidmatan awam. Menurutnya, kita tiada pilihan selain daripada sama-sama mempelopori bidang ini demi meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan tersebut.

Jelas sekali, buku ini menyediakan bahan bacaan komprehensif yang mampu menyingkap sebahagian besar daripada isu-isu utama yang berkaitan multimedia di Malaysia. Oleh sebab itu tidak hairanlah bahawa latar belakang penulis-penulisnya juga berbeza-beza. Selain daripada golongan akademik dan pentadbiran awam, penyumbang yang terdiri daripada mereka yang berkecimpung dalam industri multimedia juga dijemput untuk berkongsi pengalaman dan pendapat. Penulis-penulis juga telah cuba menekankan satu tema sepunya untuk buku ini iaitu, penerapan prinsip-prinsip Islam dan nilai murni sejagat di dalam pelbagai aspek multimedia.



Selain terhutang budi kepada penulis-penulis yang terlibat, buku ini juga berjaya dihasilkan dengan kerjasama Unit Program IKIM yang bertungkus-lumus melancarkan perjalanan seminar Multimedia dan Islam, Puan Rose Azla Ramli, Puan Rohanum Abdullah, Puan Mazura Abdul Rahman, Cik Nik Mazelinda Nik Zainal Abidin dan Cik Wan Azlinawati Wan Othman – yang menyiapkan manuskrip, serta Puan Zawiah Md. Sari dan Encik Hafizuldin Satar yang menguruskan hal-hal penerbitan buku ini.

Abu Bakar Abdul Majeed
Siti Fatimah Abdul Rahman